

Welcome To NO.1 EDUCATION UNIVERSITY


UPSI

#cemerlangbersama



www.upsi.edu.my

www.facebook.com/UPSIMalaysia/



Mohd Husyaini Hashim

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat

DARI MEJA Ketua Editor

2018 TAHUN BERTINDAK

INSPIRASI UPSI kembali dengan penampilan baharu untuk tahun 2018. Wajah baharu ini diinspirasikan daripada Amanat Naib Canselor 2018, iaitu 2018 tahun bertindak (*2018 is Action Year*).

Enam bulan telah berlalu untuk tahun 2018, dalam tempoh itu kita dapat lihat pelbagai peristiwa, pencapaian, kejayaan pada peringkat dalam dan luar negara.

Semua yang dilakar dalam enam bulan ini bertepatan dengan apa yang disampaikan oleh Naib Canselor agar semua warga UPSI bertindak melaksanakan semua yang telah dirancang untuk menjadikan UPSI sebagai Universiti No. 1 Pendidikan.

Tahun ini juga, setiap Pusat Tanggungjawab bergerak untuk mencapai sasaran yang ditetapkan bagi memastikan apa yang disasarkan dapat dicapai dan hasilnya nanti akan tuai oleh seluruh warga UPSI.

Kita hayati bersama-sama kata keramat Naib Canselor dalam Lagu Cemerlang Bersama.

"Kepada seluruh warga UPSI, untuk memastikan kita mencapai bintang, kita kena bersatu, kita kena bersama untuk memastikan kita semua Cemerlang Bersama".

SIDANG Editorial

INSPIRASI UPSI diterbitkan dua kali setahun oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Kami mengalu-alukan sumbangan seperti berita dan rencana untuk dimuatkan dalam INSPIRASI UPSI dan boleh dikirimkan secara emel kepada sajarutul@upsi.edu.my atau epena.ump@upsi.edu.my.

PENAUNG / Profesor Dato' Dr. Muhammad Shatar Sabran, Naib Canselor

KETUA EDITOR / Mohd Husyaini Hashim

EDITOR / Maziah Zee Abdullah

WARTAWAN / Sajarutul Nor Kasim

REKA LETAK & GRAFIK / Khairul Aizat Abdul Rauf

JURUFOTO / Fisol Ahmad + Shahidah Abu Hassan + Nurul Hasniza Mohd Rashid

EDARAN / Azhar Saat

BULETIN

Inspirasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



**INTERNATIONAL
EDUCATION AWARD**
UPSI terima anugerah

LAWATAN PENANDA ARAS
SKVA ke UPSI



KIESTA 2018 MERIAH
Dan sambutan Hari Keluarga UPSI

**SESI RAMAH MESRA KSN
BERSAMA WARGA UPSI
& PENJAWAT AWAM**
UPSI jadi lokasi pertama



ITEX 2018
UPSI menang 10 Emas

MEMORENDUM PERSEFAHAMAN
UPSI dan UPU



MAJLIS PENYERAHAN
Pusat Latihan Hospitaliti UPSI





Kandungan

Januari



4

Majlis Konvokesyen Kirkby International Collage

- 2 UPSI Teluk Intan dijangka siap 2019
- 10 Zero Defect
- 12 Amanat Naib Canselor UPSI 2018

Februari



16

Winter Camp di UPSI

- 20 30 Kakitangan UPSI ditawarkan Peluang Pengajian
- 22 SukIPT2018: UPSI pungut 8 emas, 5 perak dan 12 gangsa
- 24 ResTar'18 Kemuncak Projek Akhir Diploma Tari

Mac



32

Lawatan Duta Turki ke FBK

- 28 UPSI jadi pelopor laksanakan program ulul albab
- 34 UPSI jalin kerjasama dengan ASWARA
- 42 Majlis Pelancaran Media Seekers UPSI

April



58

Siri Jelajah Jom Masuk UPSI

- 49 MoU UPSI dan Cambridge Assessment English (CAE)
- 52 Mahasiswa UPSI berbakti di Kampung Balimbang
- 59 UPSI terima anugerah The Golden Globe Tiger

Mei



70

UPS I rangkul 10 emas di ITEX 2018

- 68 Design Thinking: STEM Creative Teaching for special education

Jun



74

Majlis berbuka puasa bersama Media

- 72 Majlis iftar dan infaq Ramadhan Alumni
- 76 UPSI terima International Education Award

UPSI Teluk Intan dijangka siap Disember 2019



Teluk Intan, 4 Januari – Pembinaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Teluk Intan yang memasuki fasa kedua dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2019.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkata, kerja-kerja pembinaan bangunan akan dilakukan bermula tahun ini sehingga Disember 2019 sebelum ia dibuka untuk pengambilan.

"Dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya kontraktor yang dilantik serta pemantauan

Jabatan Kerja Raya (JKR) saya yakin kampus tersebut dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan serta berkemungkinan siap awal."

"Apabila siap kelak, kampus bernilai RM 1774 juta itu bakal menerima 2,000 pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional, selain 200 tenaga pengajar dan kakitangan, tidak termasuk ahli keluarga mereka, yang akan menetap dan berbelanja di situ sekali gus bakal menjana ekonomi penduduk daerah itu sehingga RM 1 juta sebulan apabila beroperasi pada tahun 2020," katanya pada Majlis



Pelancaran Pembinaan UPSI Kampus Teluk Intan Fasa Kedua, di Batu 4, Changkat Jong, Teluk Intan.



Tambah beliau, pembinaan Fakulti Teknikal dan Vokasional di kawasan seluas 32 hektar itu juga akan menjadikan kawasan Parlimen Teluk Intan sebagai hub pendidikan di selatan Perak selepas pembinaan kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Komuniti sebelum ini.

"Kampus yang menempatkan Fakulti Teknikal dan Vokasional ini akan menawarkan 10 kursus bagi melahirkan guru berkemahiran mengajar di Kolej Vokasional dengan penekanan diberikan terhadap keperluan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Hadir sama, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Teluk Intan, Dato' Seri Mah Siew Keong, Ahli Dewan Undangan Negeri Changkat Jong, Datuk Mohd Azhar Jamaluddin dan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohamad Shatar Sabran.



Majlis Konvokesyen KIC

285 Graduan KIC Terima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah)



UPSI, 19 Januari – Seramai 285 graduan Kirkby International College (KIC) menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian pada Majlis Konvokesyen Kirkby International College 2018 yang merupakan kohort terakhir untuk program francais UPSI dan KIC.

Presiden KIC Pn. Bismillah Khatoun Abdul Kader, mengucapkan tahniah kepada graduan

kerana berjaya menamatkan pengajian dan berharap mereka sentiasa berusaha untuk meneruskan kejayaan dengan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Sudah pasti kejayaan hari ini dikongsikan oleh graduan bersama ibu bapa, suami atau isteri. Ini kerana dengan sokongan dan pengorbanan merekalah yang membolehkan graduan melanjutkan pengajian di universiti dan berjaya



meraih kejayaan yang dikecapi," katanya pada majlis yang berlangsung di Auditorium Utama.

Beliau turut mengingatkan golongan guru di negara ini agar sentiasa beringat bahawa masa depan pemimpin akan datang terletak pada tangan mereka, dan golongan itu harus mendidik anak murid mereka mengenai kepentingan menjaga keamanan menerusi idea dan pemikiran mereka.

Tambah beliau, para guru perlu menunjukkan kepada pelajar bagaimana mengutarakan pendapat mereka melalui perkataan yang lembut dan persuasif kerana kata-kata adalah nasihat lebih baik daripada menggunakan kekerasan.

UPSI - IESCO, Jalin Kerjasama Jaringan Hubungan Antarabangsa



Putrajaya, 19 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan International Educational Scientific and Cultural Organization (IESCO) untuk tempoh tiga tahun bertujuan membina jaringan hubungan antarabangsa bagi meneroka peluang mendapatkan pelajar-pelajar pengajian siswazah di peringkat sarjana dan kedoktoran dari Timur Tengah.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr. Md Amin Md Taff berkata, MoU itu merupakan rentetan kunjungan delegasi daripada Badan-badan NGO Arab Saudi Timur Tengah (IESCO) bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti, YBr. (Dr.) Ahmad Sani Araby Dato' Abdul Alim Araby, pada 22 Mac 2017 yang bertujuan mempromosikan UPSI di sana.

Turut menandatangani memorandum yang diadakan sempena 1st International Conference on Enhancing Educational Opportunities yang berlangsung pada 19

hingga 20 Januari 2018 di Putrajaya Marriott Hotel itu ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Islam Gaza.

Persidangan julung kali diadakan yang dihadiri 250 peserta dari 35 negara, itu diadakan bagi membincangkan masa depan dalam mengekalkan pembangunan pendidikan di zon konflik.

UPSI diwakili oleh Profesor Madya Dr. Md Amin Md Taff manakala IESCO diwakili oleh Pengurus Besar, Dr. Mahmoud Shakfa serta disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, Pendaftar UPSI, Dr. Hajah Zainab Othman, dan Pengurusan Eksekutif IESCO, Mr. Abdalrahim Shehab.





Anugerah Seni Iktiraf warga MAKUM



UPSI, 20 Januari - Pusat Kebudayaan UPSI menganjurkan Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2018 untuk mengiktiraf usaha pelajar dan kakitangan MAKUM dalam memartabatkan arena seni dalam kalangan warga Universiti Awam.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Madya Dr. Md Amin Md Taff berkata, UPSI telah menjadi sekretariat dan tuan rumah untuk tempoh dua tahun bermula tahun 2016 dan 2017.

"Sepanjang tempoh itu, pelbagai program dan pertandingan anjuran UPSI mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada mahasiswa/i seluruh IPTA."

"Justeru, bagi menghargai penglibatan kakitangan serta pelajar IPTA yang terlibat, UPSI mengambil inisiatif menganjurkan majlis ini seterusnya dapat mencungkil bakat pelajar untuk pemeraksanaan dan pembinaan kualiti diri pelajar untuk bersaing di peringkat Antarabangsa," katanya pada majlis yang diadakan di Panggung Percubaan.

Tambah beliau, tema 'Warna Warni 1 Malaysia' diangkat bagi mengekalkan dan memperbaharui semangat patriotik dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum dan agama.

"Kelestarian hubungan antara kaum ini amat penting bagi memacu universiti ke peringkat

global. Seperti sedia maklum, peredaran masa terkini telah menelan warisan seni budaya masyarakat Malaysia dan perkara ini tidak lagi dititikberatkan semasa di universiti."

"Oleh itu, bagi menyemarakkan lagi penglibatan pelajar dalam setiap penganjuran aktiviti MAKUM akan datang, pegawai-pegawai MAKUM perlulah lebih efisien dalam melaksanakan aktiviti tersebut seterusnya dapat menjadi pemangkin kepada seni budaya dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA)," katanya.

Dalam majlis itu, UPSI menyampaikan Anugerah Penghargaan Khas kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Nik Ali Mat Yunus serta mengangkat Universiti Sains Islam Malaysia sebagai penerima Anugerah Gong Kencana iaitu anugerah kepada universiti awam dengan penganjuran acara kebudayaan terbaik.

Turut diiktiraf ialah 38 penerima Anugerah Bonang Emas (anugerah pelajar yang terlibat secara aktif dan cemerlang), 18 penerima Anugerah Gambang Mustika (anugerah kelab persatuan yang terlibat secara aktif dan cemerlang), lima penerima Anugerah Kalung Budi (anugerah kepada individu yang telah banyak memberi sumbangan ke arah pembangunan MAKUM secara langsung atau tidak langsung, atau Pegawai MAKUM yang akan menamatkan perkhidmatan dan telah banyak berjasa sepanjang perkhidmatan), dan enam penerima Anugerah Sejuta Penghargaan, (anugerah kepada individu yang telah banyak membantu Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang 2016-2017).

Turut diadakan sesi penyerahan tampuk kepimpinan yang baharu iaitu kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan penyampaian hadiah Pertandingan Cipta Logo MAKUM yang dijuarai oleh Muhammad Alif Omar Abdul Jalil dari USIM.

Majlis Penyerahan Projek Projek Pembinaan Parit, Sistem Lalulintas dan Lanskap di KSAS



UPSI, 20 Januari – Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yunus hadir ke majlis Penyerahan Projek Pembinaan Parit, Sistem Lalu Lintas Dan Landskap di Kampus Sultan Azlan Shah yang diadakan bertempat di Tapak Projek (jambatan 25 meter).

Datuk Nik Ali berkata, projek bernilai RM 27,347,705.32 itu disiapkan dalam tempoh dua tahun bermula pada 21 Disember 2015 hingga 18 Disember 2017.

Tambah beliau, projek itu menggunakan peruntukan daripada Rancangan Malaysia ke-10 di bawah Rolling Plan 4 (RP4) dan disambung pada Rancangan Malaysia ke-11 bagi menaik taraf infrastruktur yang sedia ada untuk menampung pembangunan pada masa akan datang.

“Projek ini menyediakan kemudahan kepada UPSI dari segi jalan raya, laluan pejalan kaki, sistem tangkiimbangan, sistem pembentungan dan saluran. Selain itu, projek ini dihubungkan



dengan pembinaan dua jambatan yang merangkumi jarak 40 meter dan 25 meter setiap satu.”

“Bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan wakil kepada UPSI bersyukur di atas perkembangan terbaharu itu dan berharap UPSI akan memaksimumkan penggunaan infrastruktur yang telah disediakan oleh kontraktor,” katanya.

Turut diadakan Majlis Menandatangani Perakuan Penyerahan Projek Siap Kepada Pelanggan yang ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Prof. Madya Dr. Md Amin Md Taff dan Jurutera Jabatan Kerja Raya Daerah Batang Padang, Encik Saiful Azzuan Aznam.

Hadir sama Pemangku Pengarah, Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, UPSI, Ir Zulkefly Mohd Yusof, Jurutera Awam Penguasa Kanan, JKR Perak, Encik Salehuddin Othman dan TNC (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah.

UPSI Amalkan *Zero Defect* Strategi Mencapai Kecemerlangan





UPSI, 21 Januari - UPSI menganjurkan Ceramah *Zero Defect* (Sifar Cacat): Strategi Bagi Mencapai Soaring Upward yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning.

Dalam ceramah yang dijalankan secara dua hala itu, Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid berkata, pelaksanaan ceramah itu dibuat menerusi Keputusan Lembaga Pengarah Universiti agar seluruh warga UPSI mendapat maklumat yang tepat mengenai pelaksanaan agenda tersebut.

Sementara itu, menurut Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran, terdapat tiga sebab mengapa UPSI mengambil

keputusan merealisasikan agenda *zero defect*. "UPSI membuat keputusan merealisasikan agenda tersebut bagi meningkatkan keberkesanan kerja, membudayakan sikap bertanggungjawab dan juga memastikan projek yang dijalankan dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Pelaksanaan *zero defect* berjaya memberi impak positif kepada agensi yang melaksanakannya. Ia membolehkan setiap perkara yang dilakukan dilaksanakan mengikut perancangan, justeru isu yang berkaitan dengan pembaziran kerja dapat dielakkan. Melalui pelaksanaan agenda ini juga membantu UPSI melakukan banyak penjimatan dalam bentuk wang ringgit, masa, tenaga dan lain-lain sumber," katanya.



Amanat Naib Canselor 2018 Tahun Buktikan Kecemerlangan



UPSI, 24 Januari – Saban tahun, Majlis Amanat Naib Canselor diadakan bagi menyampaikan wadah, sasaran, amanat dan perancangan untuk melonjakkan imej dan nama universiti selain mencetus semangat dan idea baharu bagi membangunkan organisasi.

Dalam Majlis Amanat Naib Canselor Tahun Baharu 2018 yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor pada kali ini mencipta kelainan dengan mengemukakan beberapa tindakan wajar dilaksanakan pada tahun ini.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, tahun 2018 adalah tahun untuk seluruh warga UPSI beraksi melaksanakan agenda UPSI iaitu, UPSI sebagai Universiti No.1 dalam bidang pendidikan.

"Tahun ini merupakan tahun untuk bertindak, kita mempunyai setahun lagi untuk membuktikan apa yang kita rencanakan. Tahun lepas kita merancang, tahun ini kita mengambil tindakan dan tahun hadapan kita akan meraikan kejayaan. Ke mana arah tujuan kita adalah bergantung kepada tindakan yang kita lakukan pada tahun ini, segala komitmen yang kita lakukan akan membuatkan mimpi menjadi nyata.

"Justeru kita memerlukan peraturan, kaedah, cara dan sebagainya. Inilah hala tuju yang kita inginkan untuk tahun ini," katanya.

Dalam hala tuju tersebut, beliau meletakkan Formula 7T (Time) iaitu masa untuk terbang tinggi, masa untuk menjadikan UPSI sebagai

universiti nombor 1, masa untuk menjadikan masyarakat memandang kepada UPSI, masa untuk membuka ruang kepada masyarakat untuk datang ke UPSI, menjadikan seluruh rakyat berbangga dengan UPSI, masa untuk melihat bukti dan masa untuk menjadikan UPSI rujukan nombor satu dalam bidang pendidikan.

Katanya, UPSI juga perlu memberi fokus kepada beberapa perkara, iaitu memastikan bidang pendidikan awal kanak-kanak menjadi produk terunggul di UPSI, melakukan inovasi dalam pedagogi dan bahasa khususnya bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan juga mempunyai kemahiran dalam bahasa ketiga.

Untuk merealisasikan formula tersebut, katanya, UPSI memerlukan jenama, pakej dan pemasaran yang unggul.

Dalam majlis yang sama, Naib Canselor turut melancarkan lagu baharu universiti bertajuk 'Cemerlang Bersama' hasil kreativiti Dekan dan pelajar Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Profesor Madya Zaharul Lailiddin Saidon, Nazimin Nazeri dan Husnil Amin Zakaria.



Malam Jasamu Dikenang Jasa Mantan Pengurusan Tertinggi UPSI



Putrajaya, 30 Januari - Seramai 14 orang mantan pengurusan tertinggi UPSI termasuk Pro-Canselor, Naib Canselor, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti diraikan pada Majlis Jasamu Dikenang yang diadakan Putrajaya Marriot Hotel, IOI Resort City, Putrajaya.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, walaupun semua mantan itu telah

bersara namun mereka diminta untuk terus memberi pandangan dan nasihat untuk kebaikan bersama dalam kemajuan UPSI khususnya.

"Selain itu, tuan-tuan dan puan-puan juga bolehlah bergiat aktif dalam badan-badan bukan kerajaan (NGO), menjadi penyumbang idea serta tenaga kepimpinan bagi memperkasakan lagi medan NGO tempatan yang semakin meningkat peranan serta kepentingannya."



"Kepada anggota perkhidmatan awam yang bersara, peranan tuan-tuan dan puan-puan juga adalah amat penting untuk menjadi mata dan telinga kerajaan dalam memahami keperluan dan kehendak rakyat. Usia bukanlah merupakan batu penghalang bagi seseorang untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kerana tuan-tuan dan puan-puan merupakan orang yang pernah berjaya dan berjasa," katanya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid dalam ucapannya turut menyampaikan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Yahaya Ibrahim, yang telah menyumbangkan baktinya kepada UPSI hampir 17 tahun sebagai Pro-Canselor, Tan Sri Abi Musa Asa'ari, selaku Pengerusi LPU sebelum ini atas dedikasi beliau menerajui barisan kepimpinan Lembaga Pengarah UPSI selama lapan tahun dan Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa yang telah mengemudi UPSI selama lima tahun lima bulan dan 23 hari sebagai Naib Canselor atas jasa dan keringat mereka memajukan UPSI di peringkat negara dan antarabangsa.

Turut serta diraikan pada malam itu, Datuk Azizah Hj Arshad, Dato' Seri Abdul Puhat Mat Nayan, Puan Norsimah Abd. Wahab, Profesor Emeritus Dato' Dr. Othman Lebar, Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Dato' Hj. Ahmad Hj. Burak, Datuk Profesor, Dr. Asma Ismail, Datuk Romli Dai, Tan Sri Dato' Dr. Mohd Noor Ismail, En. Mohd Faizi Othman dan En. Ajhar Eini.



Winter Camp 2018

Promosi UPSI ke Negara China



UPSI, 2 Januari - Seramai 24 pelajar dari dua buah sekolah di Ning Xia, China iaitu Xining High School dan Gu Yuan Experimental Primary School mengikuti program Winter Camp anjuran Pusat Bahasa dan Pengajian Umum dan Unit Mobiliti UPSI.

Pengarah Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, En. Sasigaran Moneyam berkata, bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020, program itu diadakan sebagai prapromosi pada peringkat pusat dan universiti.

"Winter Camp bertujuan mempromosikan UPSI dan Malaysia di samping kursus-kursus dan program pengajian yang ditawarkan di UPSI, khususnya di Pusat Bahasa dan berharap peserta-peserta ini akan menjadi duta kecil untuk membawa imej dan mempromosi UPSI dan Malaysia ke negara China," katanya pada majlis Perasmian Penutupan Winter Camp 2018.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, di Bilik Seminar, Fakulti Pembangunan Manusia.

Dalam program yang berlangsung selama 15 hari bermula dari 21 Januari hingga 4 Februari, pelajar berusia dari 9 hingga 19 tahun dengan diiringi lima guru pengiring turut didedahkan dengan budaya masyarakat di Malaysia.

Antara aktiviti yang dijalankan *Let's Speak: Language From and Functions Activities, Study Tour to Port Dickson and Putrajaya, Music and Dance Workshop: Malay Drum, Gamelan and Malay Traditional Dance, Learning with Puppetry, Making Traditional Dishes, Batik Drawing and Crafts.*



UPSI Lancar Dana Wakaf Al-Mursyidin



UPSI, 6 Februari – Universiti Pendidikan Sultan Idris melancarkan pungutan Dana Wakaf Al-Mursyidin bagi pembinaan Kompleks Pondok Bitara dan Akademik Pendidikan UPSI sebagai medium baharu untuk menggerakkan program kebajikan kepada warganya secara lebih meluas.

Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin berkata, mekanisme wakaf untuk pembinaan kedua-dua projek ini merupakan satu inisiatif bagi memperkasakan peranan wakaf dalam institusi pendidikan di negara ini.

"Objektif penubuhan Pondok Bitara ialah untuk mewujudkan sebuah intitusi yang berteraskan pembelajaran sepanjang hayat bagi melahirkan generasi yang cemerlang, dinamik dan progresif sekali gus akan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya rakyat negeri Perak kerana bakal dijadikan salah satu pusat pembelajaran sepanjang hayat tanpa mengira usia di negeri ini.

"Penubuhan Akademi Pendidikan UPSI pula berperanan untuk menjadi sekolah cemerlang dalam pembangunan insan melalui persekitaran pembelajaran berteraskan budaya penyelidikan. Dengan matlamat pendidikan untuk menjadi sebuah sekolah contoh yang

komited kepada amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik, sistematik dan futuristik bermula pada tahap rendah hingga menengah," katanya pada majlis perasmian Dana Wakaf Al-Mursyidin dan Meraikan Penyumbang Zakat yang berlangsung di Dewan SITC.

Tambah beliau, usaha penubuhan dana wakaf itu merupakan inisiatif dan inovasi baharu dalam usaha universiti untuk memperoleh pendapatan alternatif bagi pembangunan pusat-pusat pengajian di universiti ini. Pembinaan untuk kedua-dua projek tersebut dijangka akan bermula pada tahun 2020.

"Usaha ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan peranan wakaf dan endowmen untuk penjana kewangan universiti. Pihak universiti mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak di bawah kepimpinan YBhg. Dato' Dr. Amiruddin yang bersedia melantik UPSI sebagai Universiti Mutawalli wakaf yang pertama di negeri Perak," katanya.

Dalam majlis itu, UPSI turut menerima sumbangan zakat daripada Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM80,000.00 dan sumbangan wakaf pertama daripada keluarga Hj. Abdul Latif Abu Bakar berjumlah RM35,000.00.

Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah 600 Kakitangan UPSI Berikrar



UPSI, 19 Februari - Seramai kira-kira 600 kakitangan UPSI melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dalam Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang diadakan di Panggung Percubaan. Lafaz ikrar diketuai Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran.

Menurut Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perak, Tn. Ahmad Shukri Mohamad Taib, lafaz ikrar ini merupakan inisiatif pencegahan rasuah yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2017 sebagai salah satu usaha yang boleh diterapkan oleh setiap warga di institusi ini untuk menyingkirkan rasuah.

"Objektif IBR itu sendiri adalah bagi memastikan kepimpinan organisasi bebas daripada amalan rasuah dan mewujudkan budaya berintegriti berteraskan kepada ikrar yang dibuat oleh kepimpinan sesebuah organisasi untuk menjunjung tanggungjawab serta akauntabiliti bagi menjauhi atau terlibat dengan godaan rasuah dan salah guna kuasa sepanjang melaksanakan tugas."

"Ikrar ini bukanlah merupakan perkara mainan yang harus dipandang ringan. Ia haruslah diresapi, dihayati dan dilaksanakan dan diterjemah dari sudut perbuatan," katanya.

Tambahnya, SPRM akan menggiatkan usaha demi menaikkan semula indeks Persepsi Rasuah yang telah jatuh ke tangga 55 daripada 176 negara pada tahun 2016 berbanding tangga ke 54 pada tahun sebelumnya.

"Oleh demikian amalan serta budaya rasuah dan salah guna kuasa perlulah dibenci, ditolak dan diperangi habis-habisan oleh seluruh warga UPSI serta senantiasa memastikan bahawa amanah rakyat yang dipegang itu dihormati dan tidak sekali-kali dikhianati dan diperjudikan dek kerana amalan rasuah dan salah guna kuasa," ucap beliau.

Turut diadakan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah oleh Naib Canselor yang disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato' Dr. Noraini Idris dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Madya Dr. Md Amin Md Taff.



30 Kakitangan UPSI

Ditawarkan Peluang Pengajian



Tanjong Malim, 21 Februari – Seramai 30 orang kakitangan dari kalangan pelaksana Universiti Pendidikan Sultan Idris ditawarkan peluang melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Pertama dalam bidang Pengurusan Perniagaan Pengurusan Sumber Manusia sesi kemasukan Februari 2018 bagi tempoh selama 4 tahun.

Presiden Kesatuan Pegawai Am (KPA), Nazeema Bebe Mohamed Yusof berkata, kejayaan itu adalah hasil daripada usaha KPA UPSI yang ingin memastikan setiap kakitangan pada peringkat pelaksana dapat meningkatkan kemahiran dan kompetensi menerusi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Tambah beliau, hubungan yang harmoni antara majikan dan pekerja dapat dibuktikan dengan kejayaan rundingan Kesatuan bersama Pengurusan Universiti bagi merealisasikan pembangunan modal insan kepada warga UPSI.

"Ini merupakan kemasukan yang paling ramai pada satu-satu masa dan Universiti memberikan ruang pembelajaran sepenuh masa dengan kaedah yang telah disarankan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dengan waktu pembelajaran secara fleksibel. Secara

tidak langsung, setiap kakitangan dapat memperbaharui pengetahuan dan kemahiran sejajar dengan pembangunan sosioekonomi negara dan kepentingan pengayaan ilmu demi kemajuan dan kepuasan diri. Bukan kenaikan pangkat yang dikejar tetapi ilmu ini adalah persediaan masa akan datang selari dengan maltamat Transformasi Nasional 50," katanya. Pada sesi kemasukan kali ini seramai 1208 siswazah telah mendaftar di UPSI dengan jumlah 28 tawaran program dari lapan fakulti. UPSI turut mencipta sejarah menjadi Universiti Awam pertama menawarkan dengan pengambilan calon-calon lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah berkata, ini merupakan ruang terbaik yang dapat disediakan oleh UPSI kepada warganya untuk melahirkan lebih ramai penjawat awam dalam Badan Berkanun yang mempunyai kelulusan lebih tinggi semasa majlis ikrar pelajar baharu yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor.

Lawatan Penanda Aras SKVA ke UPSI



Tanjong Malim, 27 Februari - Seramai 32 warga Kolej Vokasional Shah Alam (KSVA) mengadakan Lawatan Penanda Aras ke Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Pengarah KVSA, Puan Hajah Norhayati Abdul Rahman berkata, lawatan itu bertujuan menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam tadbir urus Unit Perhubungan Awam SKVA, mendapatkan pendedahan tentang pelaksanaan dan fungsi Bahagian Komunikasi Korporat UPSI serta berkongsi pengalaman dalam hal berkaitan dengan aktiviti *outreach*.

Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Mohd Husyaini Hashim berkata, lawatan tersebut menampakkan kematangan BKK dalam pengurusan unit masing-masing.

"Semua kakitangan dilihat bersungguh-sungguh untuk memuaskan hati para pelawat dan Alhamdulillah Pengarah KVSA sangat berpuas hati dan berasa sangat dihargai dalam lawatan ini," katanya.

Delegasi SKVA turut dibawa melawat ke Fakulti Teknikal Vokasional, Studio Expose Unit Fotografi, Studio UPSI.TV Unit Produksi & Media Baharu, Unit Media & Penerbitan Korporat dan Bilik Khidmat Pelanggan bagi memberi penerangan dan pendedahan cara kerja di BKK.

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknikal Vokasional (FTV), Dr. Ridzwan Che Rus berkata, UPSI sedaya upaya mengurusperdanakan TVET supaya dilihat sebagai pilihan untuk remaja Malaysia bagi membentuk kerjaya-kerjaya baharu serta membentuk kemajuan negara ke arah tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Beliau berharap TVET di Malaysia akan menjadi lebih kukuh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia yang menekankan kualiti graduan TVET melalui penghasilan pensyarah, pelatih, pengajar, untuk melahirkan graduan TVET yang lebih berkualiti.

SukIPT 2018

UPSI : 8 Emas, 5 Perak & 12 Gangsa



UPSI, 12 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris berjaya menduduki tangga ke-8 dari 78 kontinjen pada Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2018) dengan pungutan lapan emas, lima perak dan 12 gangsa.

Kontinjen UPSI diwakili oleh 250 orang atlet dan pegawai melalui 16 acara sukan yang disertai berjaya membolot emas menerusi acara silat (6), Taekwando (1) dan Petanque (1).

Perak dimenangi menerusi acara olahraga (2), silat (2) dan petanque (1), manakala gangsa dipungut menerusi acara olahraga (2), Tenpin bowling (3), rugby (1), Taekwando (5) dan bola sepak (1).

Tambah manis buat UPSI apabila dinobatkan juara keseluruhan acara pencak silat. Pada SukIPT 2016, UPSI menduduki tempat ke-10 dengan pungutan 7 emas.

SukIPT diadakan secara dwitahunan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan IPT (MASUM, MSP, MASKOM dan MASISWA).

Penganjuran SUKIPT merupakan satu usaha Kementerian untuk membangunkan dan memajukan lagi sukan di peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa secara bersepadu. Penyertaan untuk sukan ini adalah terbuka kepada semua atlet IPT di Malaysia.



TNCPI UPSI Raih Anugerah

Distinguished STEM Leadership Award di MTE 2018

Universiti Pendidikan Sultan Idris melakar kejayaan membanggakan apabila Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato' Dr. Noraini Idris dianugerahkan *Distinguished STEM Leadership* oleh *Japan Intellectual Property Association (JIPA)* pada Malaysia Technology Expo (MTE 2018) yang berlangsung dari 22 hingga 24 Februari 2018 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Profesor Dato' Dr. Noraini menerima anugerah tertinggi yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk P. Kamalanathan itu atas usaha beliau sebagai penggerak bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Dalam acara tahunan itu, UPSI turut berjaya merangkul satu emas, dua perak dan tiga gangsa melalui beberapa inovasi yang mengambil bahagian dalam MTE 2018.

Pingat emas diperoleh oleh inovasi bertajuk *An Integrated Platform in Multi-Classes for Multi-Dimensional Evaluation to Virtualized and Benchmarking of Data Mining Real Time Applications* yang diketuai oleh Alaa Zaidan dari Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif.

Pingat perak pula dimenangi inovasi bertajuk *Synthesis of Graphene Film from Waste Chicken Fat for Application as Flexible Transparent Electrode* yang diketuai oleh Dr. Mohamad Saufi Rosmi dari Fakulti Sains Matematik dan Sedap Cycle yang diketuai oleh Dr. Wesley Allan Johnson dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan.

Tiga gangsa diraih menerusi inovasi bertajuk *Electronic Push-Up Test Instrument (SEGAK)* oleh Prof. Madya Dr. Gunathevan (ketua), *Folk Tunes of Malaysia For Violin Beginners* oleh Mayya Musaeva (ketua) dan Pembelajaran



Kendiri Perisian Multimedia Interaktif Aural oleh Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Haji Nasrifan (ketua).

MTE 2018 bertemakan *Asia's Inventions and Innovations Marketplace* ini merupakan anjuran Malaysia Association of Research Scientist (MARS) dan PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd. bertujuan memberi peluang kepada pereka cipta untuk mempamerkan idea inovatif hasil ciptaan mereka.

ResTar' 18

Kemuncak Projek Akhir Diploma Tari



UPSI, 25 Februari – Seramai 22 pelajar semester akhir program Diploma Tari, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) mempamerkan bakat seni dan tarian menerusi Resital Akhir Tari 2018 (ResTar' 18) bertempat di Panggung Budaya.

Program yang berlangsung dari 24 hingga 25 Februari itu mempamerkan empat genre tarian iaitu Tari Klasik, Tari Tradisional Melayu, Tari Rakyat Malaysia dan Tari Kontemporari.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Zul Adha Mohd Nazri, ResTar' 18 merupakan projek akhir yang dirangka untuk memberi pendedahan kepada pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran merancang, mengelola, mengurus, menerbitkan dan membuat persembahan untuk pertunjukan tari.

"Ia diadakan bagi membolehkan para pensyarah membuat penilaian terhadap kursus-kursus yang telah dipelajari sepanjang dua tahun pengajian termasuk kemahiran domain kognitif, psikomotor, afektif dan kemahiran insaniah pelajar dalam mempamerkan sebuah organisasi produksi dan persembahan dari peringkat pra-produksi, produksi dan pasca produksi."

"Sekali gus memberi peluang kepada pelajar tahun akhir untuk menghasilkan sebuah produksi yang menggabungkan semua kursus sepanjang dua tahun pengajian, dengan menggunakan ilmu dan teknik tari yang dipelajari bagi mengikut keperluan iaitu produksi ini adalah antara penilaian akhir yang dibuat untuk melayakkan pelajar bagi memenuhi syarat pengajian," katanya.



PRESTASI Kumpul Sumbangan Bantu Pelarian Rohingya



UPSI, 2 Mac - Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas, (PRESTASI) berjaya mengumpul sumbangan hasil kutipan daripada kalangan warga UPSI dan juga Universiti Awam untuk membantu pelarian Rohingya berjumlah RM 21,500.00.

Sumbangan disampaikan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran kepada Pengarah Bantuan Kecemasan dan Logistik, Malaysian Relief Agency (MRA), Encik Stein Van Lutam, pada Majlis Makan Malam Amal Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) yang berlangsung di Dewan SITC.

Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar berkata, sumbangan itu akan diserahkan

kepada pelarian Rohingya di Cox's Bazar, Dhaka, Bangladesh bagi meringankan beban ditanggung golongan itu.

Beliau amat mengalu-alukan usaha dan inisiatif daripada Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) dan berharap usaha murni dan kemanusiaan seperti itu diteruskan agar generasi kini serta yang akan datang sentiasa sedar bahawa setiap manfaat serta anugerah yang diberikan perlu dihargai.

Hadir sama, Presiden PRESTASI, UPSI, Puan Siti Sumaizan Ramli, dan Timbalan Presiden (Pengantarabangsaan) MASTI, Encik Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais.



Nutripot System Practices

Langkah Memperkasa Amalan Pertanian Bandar



Slim River, 3 Mac - Duta Universiti Fokus Luar Bandar dengan kerjasama Jabatan Pertanian Daerah Batang Padang dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) menganjurkan *Nutripot System Practices (NSP) for Family*.

Dalam program yang berlangsung di Mini Rural Transformation Centre (MRTC) Seri Gala, Slim River itu, seramai 15 orang usahawan didedahkan dengan ilmu pertanian bandar iaitu penanaman secara sistem nutripot.

Pengarah Program, Syafiqah Mohamed berkata, inisiatif itu diambil untuk memperkasa bidang tersebut, sekali gus membantu peserta meningkatkan taraf sosio-ekonomi serta menjimatkan perbelanjaan dapur sesebuah isi rumah.

"Program seperti ini juga membuka peluang pekerjaan kepada usahawan terpilih mahupun masyarakat luar bandar secara tidak langsung serta dapat menerapkan ilmu keusahawanan dalam diri mereka."

"Selain itu, penglibatan mahasiswa UPSI daripada jurusan Sains Pertanian dalam



program ini sangat membantu para peserta program. Justeru pembudayaan amalan pertanian bandar dapat diaplikasi oleh segenap lapisan masyarakat dan pelbagai latar belakang," katanya.

Di dalam program itu, Jabatan Pertanian Daerah Batang Padang turut menyumbang satu set penanaman nutripot secara percuma kepada peserta.

UPSI Menjadi Pelopor Laksanakan Program Ulul Albab



Tanjong Malim, 6 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris, menjadi pelopor atau universiti pertama di peringkat pengajian tinggi yang telah melaksanakan program Ulul Albab kepada pelajar-pelajarnya. Sebelum ini, pelaksanaan modul Ulul Albab hanya berlaku di beberapa buah sekolah di setiap negeri di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang dikenali sebagai Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah KPM, serta juga di bawah MARA yang dikenali sebagai MRSM Ulul Albab, dan juga terlebih awal telah bermula di beberapa buah sekolah IMTIAZ di Terengganu.

Dengan penubuhan Pusat Ulul Albab UPSI, yang secara rasminya diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah UPSI bertarikh 28 Disember 2017, UPSI menjadi satu-satunya universiti awam di Malaysia pada hari ini yang melaksanakan program Ulul Albab kepada semua pelajar, bermula dengan pelajar baharu pada setiap sesi kemasukan.

Pengarah pertama yang diberi amanah untuk menerajui Pusat Ulul Albab UPSI adalah Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Pensyarah

yang dipinjamkan daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang juga merupakan Mantan Pengetua pertama Sekolah IMTIAZ Terengganu. Beliau mempunyai pengalaman hampir 20 tahun dalam membina kurikulum dan menguruskan sekolah model Ulul Albab ini.

Menurut Wan Ahmad Zakry, secara ringkasnya definisi ulul albab adalah satu golongan yang mempunyai asas kukuh dalam al-Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya.

Tiga komponen utama yang menjadi tunjang kepada program ulul albab adalah Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Quranik adalah menjadikan al-Quran sebagai sumber ilmu dalam membentuk hati dan membina keperibadian, perwatakan dan jiwa yang positif. Ensiklopedik pula adalah memfokuskan dan mengasah bakat komunikasi, serta kepelbagaian ilmu dan kemahiran lain termasuk penguasaan bahasa asing. Manakala



Ijtihadik adalah melahirkan generasi yang berkeupayaan berdepan dengan kepelbagaian cabaran, di samping berfikir kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi.

Melalui penerapan tiga komponen Ulul albab ini, dengan sedikit pengubahsuaian yang bersesuaian dengan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi, UPSI berhasrat melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai nilai tambah serta berbeza dengan graduan-graduan universiti lain. Hasrat ini terzahir daripada objektif penubuhan Pusat Ulul Albab itu sendiri, iaitu antaranya:

- i. Berfungsi sebagai pusat sokongan kepada Universiti dalam menyediakan latihan, kursus, modul, kajian dan aktiviti kepada pelajar berasaskan model Ulul Albab yang merangkumi komponen Quranik, Enskilopedik dan Ijtihadik (QEI).
- ii. Melahirkan pelajar yang holistik, bersepadu dan seimbang berdasarkan konsep Ulul Albab yang merangkumi komponen Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (QEI) yang turut digabung jalinkan dengan modul Neuro-linguistic Programming (NLP).
- iii. Melatih pelajar UPSI dalam menjana dan membina matlamat diri yang positif dan mantap.
- iv. Melahirkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global.
- v. Melahirkan pelajar yang sentiasa berani untuk mencuba perkara baharu, kreatif, inovatif dan seimbang selari dengan konsep QEI.
- vi. Melahirkan sekumpulan pelajar universiti yang terlatih dengan modul Ulul Albab, yang boleh menjadi penggerak kepada program Ulul Albab di peringkat universiti khasnya dan Universiti Awam yang lain amnya





- vii. Menghasilkan sekumpulan pelajar yang boleh dijadikan sebagai Ikon/Tokoh Ulul Albab dalam masyarakat

Program Ulul Albab dibangunkan khas untuk pelajar-pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda UPSI yang dilaksanakan dalam tiga peringkat. Peringkat pertama adalah berbentuk ceramah umum yang melibatkan semua pelajar baharu. Program P1 ini adalah sebagai asas pengenalan bagi menimbulkan minat dan kesedaran kepada pelajar-pelajar baharu untuk terus mengikuti program ulul albab di peringkat yang seterusnya.

Peringkat kedua (P2) adalah program yang lebih berfokus, iaitu berbentuk bimbingan kemahiran secara intensif atau yang lebih dikenali sebagai *Training of Trainers (ToT)*. Pada peringkat kedua ini, hanya 10% sahaja mewakili setiap fakulti daripada jumlah pelajar baharu yang akan dipilih mengikuti program ini. Pelajar-pelajar akan disaring berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu (i) Minat untuk meneruskan program Ulul Albab, (ii) mengikuti sepenuhnya program pada P1, (iii) Aktif berinteraksi di Google Classroom PUA, (iv) menghadiri pertemuan mingguan bersama PUA, (v) Mendapat perakuan fakulti. Program P2 ini adalah kesinambungan daripada P1, di mana objektifnya adalah melahirkan sekumpulan pelajar universiti yang terlatih dengan modul Ulul Albab, yang boleh menjadi penggerak kepada program-program Ulul Albab di peringkat fakulti masing-masing dan juga universiti amnya. Kumpulan ini dikenali sebagai "Sahabat Ulul Albab", yang akan

dibekalkan dengan sedikit bantuan kewangan untuk menjalankan program/aktiviti bagi semarakkan "Ulul Albab" dalam kalangan rakan-rakan fakulti yang lain.

Peringkat ketiga (P3), adalah Program khas sekumpulan pelajar yang disaring (10%) daripada P2 "cream of the cream". Program ini berbentuk sangkutan/praktikal (attachment) di agensi/pusat luar yang terpilih, di mana pelajar-pelajar akan mengaplikasikan semua ilmu dan kemahiran yang diperolehi dari P1 dan P2. Kumpulan khas pelajar yang telah mengikuti P3 ini, akan menjadi ikon dan pemimpin Ulul Albab di universiti yang akan menggerakkan keseluruhan "Sahabat Ulul Albab" di universiti.

Pada tahun pertama pelaksanaan program Ulul Albab di UPSI, beberapa orang panel/ tokoh agamawan dan motivasi dari luar telah dilantik untuk membantu menyemarakkan "ulul albab" dalam program di P1. Panel-panel yang dilantik ini adalah pakar dalam bidang masing-masing yang setelah digabungkan dapat melengkapkan 3 komponen utama ulul albab iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

Antara panel yang terlibat adalah Dato' Dr Danial Zainal Abidin dengan tajuknya "Quranik Saintifik", serta Tn. Hj. Pahrol bin Mohamad Juoi dengan tajuknya "Mukmin Profesional" yang menjurus kepada komponen Quranik, pasangan CoachRidz dan CoachSha dengan tajuknya "Soleh English" serta Dato' Mahamud Abdul dengan tajuknya "Easy Arabic" yang menjurus kepada komponen Ensiklopedik, begitu juga



Tn. Hj. Badrul Sani Baharudin dengan tajuknya "Bijak Berbicara". Manakala dalam komponen Ijtihadik pula telah menampilkan, Osman Affan dengan tajuknya "Smart Study" dan Tn. Hj. Fadzli Yusof dengan tajuknya "Transformasi Diri". Pelajar-pelajar non-muslim juga turut dilibatkan dalam peringkat 1 ini, di mana mereka telah mengikuti dua slot perbincangan bersama panel, iaitu Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman, pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI dengan tajuknya "Bicara Hati" dan Dr Hj Mohd Arip Kasmu, bekas Prof. Madya UKM dengan tajuknya "*Ethics Scientific science and religion, reason and revelation*".

Sebagai sebuah universiti pendidikan yang melahirkan bakal guru, Pusat Ulul Albab tampil membantu pihak universiti merealisasikan hatujunya untuk menjadi universiti no.1 dalam pendidikan di Malaysia dan di rantau Asia, melalui penghasilan graduan ulul albab yang mempunyai nilai tambah serta ciri-ciri Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik dalam kualiti pendidikan.



UPSI Terima Kunjungan Hormat Duta Besar Turki



Tanjong Malim, 12 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Turki, Dr. Merve Kavakci di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori.

Dalam pertemuan itu, pihak UPSI dan kedutaan membincangkan usaha mengukuhkan hubungan dua hala serta kerjasama antara UPSI dan universiti awam di Turki khususnya dalam bidang pendidikan.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, kerjasama itu bakal diadakan selewat-lewatnya pada Mei ini.

"Kerjasama berkenaan termasuk dalam bidang mobiliti, penyelidikan dan penerbitan, pertukaran pelajar dan kakitangan serta menganjurkan persidangan antarabangsa," katanya.

Tambah beliau, kertas cadangan bagi tujuan kerjasama itu sedang dilaksanakan bagi membolehkan pihak delegasi Turki memilih

universiti yang bersesuaian untuk menjalinkan berkerjasama dengan UPSI.

"Duta Besar Turki, turut menjelaskan Turki mempunyai agenda yang besar dalam pendidikan yang berperanan penting dalam mendidik generasi akan datang."

"Oleh itu, bagi menjadikan golongan siswazah dari UPSI berkualiti, kita perlu melaksanakan beberapa kerjasama dengan pihak luar untuk melahirkan golongan pendidik yang luar biasa supaya para pelajar yang bakal dididik akan menjadi generasi yang hebat selaras dengan matlamat dan aspirasi gagasan Transformasi Nasional 2050 (TN50)," katanya.

Turut diadakan Majlis Penyerahan Proposal Bersama bagi membolehkan UPSI berkolaborasi dalam bidang tersebut dan Syarahan Profesor bertajuk "Crisis of Ummah and Remedies" oleh Profesor Dr. Yusuf Ziya Kavakci.

International Affairs Division Organized International Staff Lunch



UPSI, 14 Mac - International Affairs Division (IAD) organized the International Staff Lunch with the lecturers from various countries to share the ideas and opinions towards making UPSI the world's Number 1 Education University.

Vice Chancellor, Professor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran said, it was a good session and truly happy with their (IAD staffs) supports and commitment to ensure UPSI continue Soaring Upwards to be the No.1 Education University in Malaysia as well as in this region with global recognition by 2020.

The function also attended by the Top Management Executive Committee Members whom are the Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Professor Dr. Mohammad Sahandri Gani Hamzah, the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), Professor Dato' Dr. Noraini Idris, and Registrar, Dr. Hajah Zainab Othman.



UPSI - ASWARA

Jalin Kerjasama Menerusi MoU

Besut, 15 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai Memorandum persefahaman (MoU) dengan Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA) bagi menjalinkan kerjasama apabila kampus di Taman Ilmu Tembila, Besut, Terengganu beroperasi.

Majlis MoU itu diadakan sempena Majlis Penyerahan Tapak Kampus Universiti P. Ramlee oleh Menteri Besar Terengganu kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Rashidi Hasbullah yang mewakili Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. Kampus itu dijangka akan beroperasi pada September tahun ini.

UPSI diwakili oleh Naib Canselor Profesor. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran manakala ASWARA diwakili oleh Rektornya, Prof. Datuk Dr. Ir. Mohd. Rizon Johari.

Turut sama terlibat menandatangani MoU ialah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang diwakili oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Husaini Omar.

Menurut Rektor ASWARA, Prof. Datuk Dr. Ir. Mohd. Rizon, menerusi kerjasama tersebut, UPSI dan UMK akan mendapat manfaat semua kemudahan yang terdapat di Kampus baharu itu seperti asrama, kompleks Pusat Pelajar, Dewan Konvokesyen, Kompleks Sukan serta Mini Stadium dan Masjid."

Majlis turut disaksikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh dan Menteri Besar Terengganu, YB Dato' Seri Ahmad Razif Abdul Rahman serta Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Rashidi Hasbullah yang mewakili Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.



Sesi Ramah Mesra KSN bersama Warga UPSI & Penjawat Awam UPSI Menjadi Lokasi Pertama



UPSI, 16 Mac - UPSI menjadi lokasi pertama penganjuran program Sesi Ramah Mesra Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Dr. Ali Hamsa Bersama Warga UPSI dan Penjawat Awam.

Program yang diadakan di Auditorium Utama, UPSI itu diadakan di sini bagi menghargai jasa kira-kira 450,000 guru yang menjadi kumpulan terbesar daripada 1.6 juta penjawat awam, sebelum ia diteruskan di seluruh negara.

Lebih 700 warga UPSI terdiri daripada kakitangan pentadbir, tenaga pengajar mahasiswa dan penjawat awam sekitar Daerah itu, hadir bagi mendengar taklimat dan sesi soal jawab.

Dalam majlis itu, Tan Sri Dr. Ali berkongsi mengenai pencapaian negara dalam bidang ekonomi dan sosial serta penyebaran berita palsu.



Menurut beliau, program itu akan menjadi platform untuk beliau menjelaskan pencapaian negara di bawah pimpinan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Razak.

"Saya menunjukkan data sahih mengenai kedudukan ekonomi negara, mereka yang hadir faham, sekali gus tidak akan mudah terikut dengan berita palsu.

"Kita mahu elakkan penjawat awam dan rakyat daripada terpengaruh dengan berita palsu, jadi perlu tunjukkan kejayaan dan pencapaian sebenar negara, yang turut diakui badan antarabangsa," katanya.

Hadir sama, setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, YB Dato' Seri Abdul Puhat Mat Nayan, Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Pegawai Kemajuan Negeri Perak, Dato' Haji Hasim Haji Hasan.

Sanggar Kenyalang

Naib Johan Festival Bumi Kenyalang



George Town, 17 Mac - Kumpulan Sanggar Kenyalang, Universiti Pendidikan Sultan Idris dinobatkan Naib Juara Festival Bumi Kenyalang 2018 anjuran Perkumpulan Anak-Anak Sarawak (PERKASA) yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM).

Pasukan yang disertai 14 pelajar dari Persatuan Jalinan Anak Sarawak (JASA) ini turut membawa pulang hadiah kategori, Kostum Terbaik.

Koreografi untuk pertandingan ini dihasilkan oleh Skim Pelajar Bekerja di Pusat Kebudayaan, Ahmad Assahirin Hamlet.

Johan diungguli oleh tuan rumah, USM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tempat ketiga manakala Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan

Universiti Putra Malaysia (UPM) pulang dengan hadiah saguhati.

Hadir sama, Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar (BHEPA) USM, Dr. Nazaruddin Zainun dan Penasihat Festival Bumi Kenyalang 2018 Fadzilla Bosman.



Pelajar SMK Temenggong Rasai Pengalaman Bermalam di Muzium



UPSI, 17 Mac - Seramai 80 orang pelajar dan enam orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong, Kati, Kuala Kangsar berpeluang merasai pengalaman bermalam di Muzium Pendidikan Nasional (MPN) sempena program *Night At The Museum*.

Menurut Pengarah, Puan Safna Asaruddin, para pelajar bersama-sama dengan kakitangan MPN telah bermalam di dalam bangunan muzium untuk menghayati keindahan seni bina, sejarah dan kegemilangan bangunan itu yang menjadi simbolik pendidikan khususnya keguruan yang telah bermula di Tanjong Malim sejak dari tahun 1922 sehingga kini.

Tambah beliau, MPN menganjurkan program itu bertujuan untuk mempromosikan dan mendekatkan golongan pelajar dengan muzium yang wujud di dalam Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Selain itu, ia juga turut memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pembelajaran secara tidak formal, santai dan menghiburkan yang pasti mampu menarik minat para remaja kita pada hari ini.

Festival Rawa "Bototah Tang Kilen" dapat sambutan menggalakkan

UPSI, 18 Mac - Festival Rawa "Bototah Tang Kilen" mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat malah ada yang datang dari negeri lain seperti Pahang.

Program yang dirasmikan oleh Adun Slim River, YB Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib ini julung kali diadakan bersama oleh Muzium Pendidikan Nasional UPSI dan Majlis Daerah Tanjong Malim.

Festival Rawa Daerah Muallim telah dilaksanakan bermula pada tahun 2017 dan dijadikan sebagai acara tahunan di Daerah Muallim serta mendapat sambutan yang menggalakkan dari setiap lapisan masyarakat. Tanjong Malim amat terkenal dengan komuniti Rawa, iaitu sejarah pembukaan kota Tanjong Malim sendiri berkait rapat penghijrahan Dato' Hj. Mustapha Raja Kamala yang merupakan seorang ketua kaum Rawa dari Gali, Raub ke Tanjong Malim sekitar tahun 1870-1871.

Justeru itu, festival ini diadakan bertujuan menyelusuri dan menerokai keunikan dan keistimewaan warisan melayu etnik Rawa dengan lebih mendalam di samping mempromosi pelancongan berasaskan sejarah dan warisan yang terdapat di Daerah Muallim khususnya Tanjong Malim.

Pelbagai acara menarik yang berlangsung seperti Pertandingan Futsal Kampung, Jualan Kraftangan, Basah dan Kering, Pertandingan Mewarna & Batu Seremban, Talkshow & Tazkirah oleh Ustaz Akhil Hayy, Pertandingan Sepak Raga Bulatan, Pertandingan Tarik Tali dan Pameran.



KERLU & Pelajar UPSI

Takluk Gunung Liang



Tanjong Malim, 25 Mac - Seramai 38 orang peserta daripada kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Majlis Tertinggi serta Exco Kelab Rekreasi Luar UPSI (KERLU) berjaya menawan Gunung Liang, Behrang, Perak yang mempunyai ketinggian 1993 meter.

Pengarah Program, Angesia Cooper Anak Ningkan berkata, mereka memulakan pendakian pada jam 3.30 petang dan tiba di tapak kem yang pertama iaitu Lubuk Hantu kira-kira 3 jam kemudian.

"Pendakian diteruskan pada jam 8.00 malam dan kami tiba di tapak kem kedua (kem 7e) sekitar jam 2.00 pagi. Pendakian ke tapak kem kedua mengambil masa yang agak lama disebabkan oleh faktor laluan yang agak mencabar."

"Keesokan harinya pendakian disambung seawal jam 7.00 pagi, dan kami berjaya sampai ke Puncak Gunung Liang dan tiba di puncak tepat jam 8.40 pagi," katanya.

Tambah beliau, semua peserta sangat teruja dan terpegun dengan keindahan pemandangan dari puncak itu.

"Setelah melepaskan lelah sambil menghirup udara yang nyaman, serta bergambar kenangan kami turun pada jam 1.00 tengahari dan tiba di kaki Gunung Liang pada jam 5.30 petang," katanya.

Tambah beliau, program itu diadakan bertujuan menguji kekuatan fizikal dan mental para peserta serta sebagai pendedahan kepada para pelajar UPSI kepada alam sekitar.

"Para peserta juga turut didedahkan dengan pengetahuan ikhtiar hidup dan khidmat alam sekitar ketika program berlangsung. Selain itu, program ini juga diadakan bagi melihat sikap kepimpinan dan kerjasama antara satu sama lain meskipun berbeza umur dan jurusan pengajian," katanya.

Ekspedisi itu merupakan ekspedisi kali kedua yang dilaksanakan oleh KERLU di mana yang pertama kalinya telah diadakan pada November 2016.



Majlis Perasmian U-STAR

UPSI Strategic Entrepreneur Scheme



Tanjong Malim, 22 Mac - Seramai 50 pelajar terpilih menyertai program UPSI Strategic Entrepreneur Scheme (U-STAR) dalam usaha menjadikan mahasiswa sebagai usahawan melalui pemberian modal permulaan sebagai pinjaman.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, UPSI menerusi Pusat Islam dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar menyediakan dana keseluruhan berjumlah RM25,000 untuk diberikan sebagai modal permulaan kepada mereka yang terpilih.

"UPSI mempunyai agenda untuk memastikan pelajar mempunyai kemahiran *entrepreneurship* seperti mana yang termaktub dalam *blue print* Kementerian Pendidikan Tinggi di samping dapat meningkatkan nilai tambah.

"Saya yakin dengan kemampuan mereka yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan



ini mampu untuk melonjakkan kualiti mereka sebagai seorang mahasiswa bukan sekadar cemerlang dalam akademik tetapi juga dalam di luar bidang akademik.” katanya pada majlis perasmian yang diadakan di Bangunan Bitarasiswa.

Tambah beliau, UPSI memberikan pinjaman permudahan permulaan perniagaan kepada pelajar bernilai RM 500.00 bermula pada bulan ini dan akan terus memastikan program itu berjalan lancar serta akan memberi sokongan secara tidak langsung, untuk membantu pelajar meningkatkan pendapatan.

Menerusi dana itu, pelajar tidak dikenakan sebarang faedah tetapi perlu membayar balik jumlah pinjaman tersebut sebelum mereka menamatkan pengajian.



Media Seekers UPSI Dilancarkan Pasukan Sukarelawan BKK



UPSI, 23 Mac - Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) mengorak langkah menubuhkan pasukan sukarelawan yang dikenali sebagai Media Seekers UPSI dan dilancarkan secara rasmi oleh Naib Canselor.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, maklumat terkini tidak lagi bergantung kepada kaedah konvensional tetapi lebih kepada gajet atau industri revolusi 4.0 kerana pada masa kini media sosial kian menjadi salah satu media yang penting.

"Saya mengharapkan Media Seekers secara langsung atau tidak langsung dapat membantu BKK dan ia merupakan satu komponen yang utama bagi membantu mencapai matlamat sebagai Universiti No. 1 Pendidikan.

"Saya mahu apa yang berlaku dlm kampus dapat diketahui oleh masyarakat umum bukan sekadar dalam kalangan warga UPSI tetapi juga apa yang penting supaya masyarakat Malaysia dan dunia tahu tentang kehebatan kita dan secara tidak langsung akan

melonjakkan nama UPSI dipersada nasional dan antarabangsa,"katanya pada Majlis Pelancaran Media Seeker UPSI yang diadakan di Perkarangan Pejabat BKK."

Sementara itu, Pengarah Bahagian komunikasi Korporat, En. Mohd Husyaini Hashim berkata, penubuhan media seekers bertujuan untuk membantu BKK dalam tugas-tugas harian seperti mendapatkan berita, menyebarkan maklumat, menguruskan acara/majlis, fotografi, membuat rakaman video dan sebagainya.

Tambah beliau, BKK berazam untuk melibatkan seramai mungkin pelajar UPSI agar turut bersama menyumbang ke arah pelajar cemerlang yang mempunyai nilai tambah atau kemahiran tambahan berbanding graduan UA lain.

Turut diadakan sempena pelancaran Media Seekers UPSI ialah Bengkel bagi mana Mengejar Likers oleh Mat Lutfi dan perasmian Bilik Media Seekers.



Prinsip "Berbakti Dari Hati"

UPSI Dekati Komuniti Felda



Behrang, 30 Mac – Berpegang kepada prinsip "Berbakti dari hati" seramai 40 pelajar daripada Sekretariat Permuafakatan Mahasiswa dan Mahasiswi Felda (PERSADA) dan Rakan Duta UPSI terlibat dalam program Kembara Felda yang bertemakan "Wanita Sejahtera Keluarga Bahagia".

Menurut Prof. Madya Dr. Mohd Hairy Ibrahim, Timbalan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang merupakan Jawatankuasa Gabungan Pemikir Profesional Generasi Felda (GAPROF, Seranta Felda), aktiviti yang dijalankan selama 2 hari 1 malam itu merupakan program yang padat dengan pengisian termasuk aktiviti kerohanian, gotong-royong dan juga kenduri kampung.

"Salah satu program yang diadakan iaitu ziarah kasih (*home help*) dengan kerjasama

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil konsep ziarah rumah ke rumah, program ini juga bertujuan melihat dan menyelami jerih payah kehidupan masyarakat yang kurang berkemampuan malah mahasiswa yang terlibat untuk program ini berpeluang merasai sendiri pengalaman yang berharga."

"Selain itu, mahasiswa yang terlibat turut dilengkapi dengan ilmu kesukarelawanan yang disampaikan oleh Institut Sosial Negara. Ia bertujuan mengasah bakat sedia ada dan melatih diri menjadi seorang sukarelawan yang terbaik. Di samping itu, mahasiswa yang terlibat didedahkan secara langsung kepada kehidupan masyarakat khususnya yang tinggal di luar bandar," katanya.

Tambah beliau, program itu juga memberi banyak pendedahan kepada mahasiswa



mengenai *reality of life*, kerana pengalaman sebegitu hanya dapat diperoleh melalui kerja lapangan”.

Sementara itu, Duta Universiti UPSI, Azrie Azwan berkata, dalam membentuk personaliti mahasiswa yang holistik dari segi sahsiah, akademik dan kokurikulum, mahasiswa perlu lebih proaktif dan mencari ruang dan peluang melibatkan diri dengan aktiviti masyarakat sebegini.



Majlis Pelancaran Kedai Landak Fitos



Tanjong Malim, 2 April - Selaras dengan inisiatif universiti: *'2018 is An ACTION Year'*, Universiti Pendidikan Sultan Idris sekali lagi mencipta sejarah, menjadi IPTA Pertama yang mempunyai kedai sukan rasmi untuk Kelab Hoki Universiti yang dinamakan Kedai Landak FITOS UPSI.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Md Amin Md Taff berkata, sukan kerap dianggap sebagai aktiviti yang besar belanjanya kerana ekosistem sukan yang kompleks dan melibatkan pelbagai komponen (latihan, makanan, pertandingan dll).

"Isu ini lebih dirasai oleh sukan berpasukan kerana melibatkan bilangan pemain yang ramai. Akibatnya, majoriti persatuan sukan dihimpit isu dana terutamanya sukan yang tidak mempamerkan prestasi terbaik."

"Pengalaman saya sebagai pengurus sukan dari tahun 1993 hingga kini menyedarkan saya betapa pentingnya kewujudan dana yang kukuh terhadap sesebuah persatuan sukan dan hari ini sejarah tercatat apabila Kelab

Hoki UPSI muncul sebagai kelab sukan yang pertama memiliki Kedai Sukarelawan Sukan di IPT Malaysia," katanya pada Majlis Perasmian Pembukaan Kedai Landak FITOS, UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Tambah beliau, penubuhan kedai itu bermatlamat untuk membekalkan peralatan serta servis sukan berkualiti seterusnya menyumbang kepada pembangunan sukan di UPSI, Daerah Muallim, Perak dan Malaysia.

"Alhamdulillah, berkat sokongan ramai, kedai sukarelawan yang dikendalikan sepenuhnya oleh sukarelawan sukan tanpa sebarang bayaran ini telah mencatat jualan sebanyak RM 20, 000.00 sepanjang tiga bulan pengoperasiannya."

"Semoga dengan inisiatif ini akan merancakkan lagi kecemerlangan UPSI bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang sukan. Insya-Allah inisiatif murni ini akan turut diikuti oleh kelab-kelab sukan lain di UPSI agar mereka memiliki dana yang kukuh dan berterusan," katanya.



Memorandum Persefahaman UPSI Terus Berkembang Di Peringkat Global



UPSI, 2 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris meluaskan jangkauan globalnya dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Polytechnic University of the Philippines (UPU) bagi tempoh lima tahun.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, menerusi MoU itu, akan terus memantap, mengukuh dan mempromosikan UPSI menerusi pengambilan pelajar antarabangsa, dapat bertukar program pelajar khususnya dalam bidang STEM serta menggalakkan lebih banyak inovasi baharu dengan pemikiran yang lebih luas.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Pengurusan Penyelidikan, UPU, Dr. Racidon P. Bernarte berkata, kolaborasi itu, membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam penyelidikan menerusi bidang yang telah dipersetujui bersama, melaksanakan program mobiliti pelajar, staf fakulti dan juga pengajaran dan pembelajaran berdasarkan disiplin institusi, meneroka potensi kolaborasi dalam pelaksanaan persidangan antarabangsa dan juga akademik yang telah dipersetujui kedua-dua pihak.

Selain itu, UPU juga berminat untuk melakukan pertukaran bahan pendidikan, penerbitan, penyelidikan dan bahan maklumat pengajaran



yang bermanfaat kepada kedua-dua institusi serta meneroka peluang bagi penawaran dwiprogram atau program akademik bersama mengikut persetujuan kedua-dua pihak.

UPSI diwakili oleh Naib Canselor manakala UPU diwakili oleh Dr. Racidon P. Bernarte yang juga merupakan Pembantu kepada Naib Presiden Penyelidikan, Perluasan Perancangan dan Pembangunan, dan disaksikan oleh Pendaftar, Dr. Hajah Zainab Othman dan *Executive Vice-President And Vice For Student Affairs And Services*, Dr. Herminia E. Manimtim.

Hadir sama, Pengarah Pejabat Harta Intelek, UPU, Profesor Jackie D. Urrutia, Dekan Fakulti Sains dan Matematik, UPSI, Profesor Madya Dr. Zulkifley Mohamed dan Dekan Institut Pengajian Siswazah, UPSI, Profesor Madya Dr. Ramlee Ismail.

Memorandum Persefahaman UPSI & Cambridge Assessment English (CAE)



Petaling Jaya, 3 April – UPSI menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama University of Cambridge menerusi jabatannya, University of Cambridge Local Examinations Syndicate and Cambridge Assessment English (CAE).

MoU itu bertujuan menjalinkan kerjasama dalam pelbagai projek bahasa Inggeris termasuk penandaaran dan validasi Malaysian English Assessment (MEA).

UPSI diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran, manakala University of Cambridge oleh Pengarah Dasar, Projek dan Perkongsian CAE, Dr. Hanan Khalifa. Majlis tersebut disaksikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh.

MEA dilancarkan pada 24 Oktober 2017, merupakan kesinambungan aspirasi dasar kerajaan bagi memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkukuh Bahasa Inggeris menerusi Lonjakan 1 Plan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang menetapkan matlamat untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. MEA kini sedang dilaksanakan di semua Universiti Awam dan akan diperluaskan ke Politeknik dan Kolej Komuniti.

Inisiatif ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi manakala UPSI selaku sekretariat menubuhkan sekumpulan pakar pentaksiran bahasa Inggeris serta rakan industri bagi meningkatkan dan mengukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dengan mengintegrasikan pembelajaran dan pentaksiran formal dan tidak formal.

Integrasi pembelajaran dan pentaksiran formal dan tidak formal dijangka dapat menghasilkan graduan dengan tahap penguasaan minimum B2 Common European Framework of Reference (CEFR) semasa tamat pengajian.

CAE pula akan melakukan validasi terhadap penjajaran MEA kepada CEFR dengan menyediakan bantuan dan bimbingan kepada UPSI dalam menyemak konstruk dan spesifikasi ujian MEA, membantu melatih para pengajar bahasa Inggeris dari Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti dalam membangunkan penilaian sejajar dengan CEFR menggunakan ujian dan spesifikasi ujian MEA dan membimbing UPSI dalam menyediakan dokumen-dokumen yang akan digunakan sebagai rujukan oleh Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Validasi MEA adalah penting untuk memastikan inisiatif ini diiktiraf di peringkat antarabangsa.

KIESTA 2018 Meriah

Diraikan bersama Sambutan Hari
Keluarga UPSI 2018



UPSI, 7 April - Buat julung kalinya UPSI menggabungkan Karnival Sukan Staf (KIESTA) Kali Ke-10 dan Sambutan Hari Keluarga UPSI 2018 bagi meraikan seluruh warga termasuk ahli keluarga dalam majlis Perasmian Karnival Sukan Staf UPSI (KIESTA) & Hari Keluarga UPSI 2018 yang berlangsung di Stadium Mini.

Pendaftar, Hajah Zainab Othman berkata, setelah lebih 10 tahun UPSI tidak mengadakan hari keluarga sebegitu, UPSI pada kali ini dengan kerjasama semua kesatuan dan persatuan di UPSI bergandingan mengadakan kembali sambutan tersebut.

Beliau berharap agar semua kontinjen yang bertanding dapat berjuang sehingga ke akhir

dan menaikkan semangat kepada para atlet supaya dapat bersedia untuk menghadapi Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) kali-43 yang dijangka berlangsung pada bulan Ogos ini.

Sementara itu, Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran, dalam ucapan perasmian majlis itu berkata, melalui sukan ini bukan sahaja dapat merapatkan ukhuwah persahabatan antara semua warga UPSI kerana jika tidak bersatu tidak mungkin UPSI boleh mencapai impian menjadi Universiti No.1 Pendidikan.

"Semoga sambutan kali ini dapat mengeratkan ukhuwah bersama serta dapat meningkatkan



prestasi kerja demi menjadikan UPSI sebagai Universiti No.1 Pendidikan," katanya.

Dalam KIFESTA kali ini sebanyak 116 emas, 116 perak dan 141 gangsa menjadi rebutan melalui 21 acara dipertandingkan antaranya karom, badminton, olahraga, lontar peluru, rejam lembing, berbasikal dan kayak.

Dalam pada itu, kontinjen Aminuddin Baki dinobatkan Johan Perarakan Kontinjen Terbaik, tempat kedua diungguli Za'ba dan tempat ketiga dimenangi oleh Kapten Yazid, manakala acara tarik tali dimenangi oleh Ungku Omar.

Turut diadakan acara sukaneka sempena sambutan Hari Keluarga UPSI 2018.



Mahasiswa UPSI Berbakti 4 Hari di Kampung Balimbang



Samporna, 9 April - Seramai 30 delegasi daripada Kolej Harun Aminurrashid, UPSI telah berkampung di Kampung Balimbang selama empat hari bermula dari 6 hingga 9 April 2018 bagi menjayakan program Jelajah Ilmu Merentas Sabah.

Program yang mendapat kerjasama baik daripada SMK Datuk Haji Panglima Jakarullah (SMKDHPJ) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKK) Kampung Balimbang itu berjaya membawa satu lagi nama baik terhadap universiti amnya dan mahasiswa/i UPSI khususnya dalam konteks berbakti dan kesukarelawan kepada masyarakat.

Menurut Pengetua SMKDHPJ, Pn. Hajah Gambalidah Mohd Hajiri, pihak sekolah amat berbesar hati menerima kunjungan daripada Majlis Mahasiswa Kolej Harun Aminurrashid, kerana kelainan pembawakan watak dan ciri-ciri istimewa yang ditampilkan oleh mahasiswa/i MMK KHAR dalam setiap aktiviti yang dijalankan bersama pelajar sekolah adalah unik dan mereka mampu menarik minat pelajar dalam setiap slot yang dijalankan, katanya pada majlis penutupan program itu.

Melalui program itu, 10 buah keluarga kurang kemampuan dari Kampung Balimbang telah menerima sumbangan berupa barangan keperluan harian yang disampaikan oleh Prof.



Madya Dr. Syed Ismail Syed Mohamad selaku ketua delegasi.

Selain program bersama masyarakat dan pelajar sekolah, JIMS yang sesuai dengan temanya "Perkongsian Ilmu dan Budaya tanpa Sempadan" itu juga berjaya berkongsi budaya Borneo-Semenanjung melalui slot silang budaya yang diadakan. Turut dijalankan ialah aktiviti pembersihan pantai di Pulau Sibangkat. Sementara itu, Pengarah Program, Zahid Zainol berkata, program yang dirancang kira-kira sebulan yang lalu, berjaya mencapai objektifnya kerana mampu mewujudkan mahasiswa/i yang peka terhadap dunia sekeliling dan bersedia menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan serta mereka ini layak diiktiraf sebagai bakal pemimpin dan belia harapan negara yang berjaya dalam pelbagai aspek.

UPSI, SEDIC Meterai MoU

Kaji Keberhasilan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India



Tanjong Malim 13 April – Universiti Pendidikan Sultan Idris menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC). Jabatan Perdana Menteri bagi menyediakan kajian menyeluruh terhadap impak dan keberhasilan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India.

Kajian bertajuk Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India "Kajian Impak Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India" yang diketuai oleh Dr. Kannamah a/p Mottan, selaku Ketua Penyelidik ini akan dilakukan di Semenanjung Malaysia untuk tempoh enam bulan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, antara objektif MoU itu ialah untuk mengkaji sejauhmanakah peluang pekerjaan

dan faktor keusahawanan mempengaruhi masyarakat India dan mengkaji sifat patriotisme dalam kalangan masyarakat India serta semangat cintakan negara.

"Kajian ini selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan dalam memastikan rakyat diutamakan dapat direalisasikan tanpa mengira bangsa mahupun kaum di negara ini", katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UPSI dan SEDIC yang berlangsung di Bilik Seminar Aminuddin Baki, Fakulti Pembangunan Manusia.

UPSI diwakili oleh Dr. Kannamah a/p Mottan manakala SEDIC, oleh Pengarah Bahagian Dasar Perancangan dan Penyelidikannya, Kuhan Pathy, dan disaksikan oleh Ketua Pengarah SEDIC, Datuk Dr. N.S Rajendran Nagappan, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar dan Pendaftar, Dr. Hajah Zainab Othman.



UPSI Strength & Conditioning Conference

Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan



UPSI, 17 April – Kajian menunjukkan latihan bukan sahaja akan meningkatkan prestasi bahkan turut berpotensi menurunkan prestasi jika tidak dirancang dan dilaksanakan dengan betul.

Preskripsi senaman dan latihan yang betul adalah penting kerana keperluan atlet adalah berbeza mengikut sukan yang diceburi, posisi dalam pasukan dan matlamat individu masing-masing.

Selaras dengan kajian tersebut, UPSI menerusi Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) menganjurkan *Strength & Conditioning Conference 2018* agar keperluan kajian dalam bidang Suaian Fizikal dapat dikongsi dan diaplikasikan ke dalam latihan sukan bagi meningkatkan prestasi ke tahap optimum.

Selain itu, persidangan bertemakan *UPSI Strength & Conditioning Education in the Era of the 4th Industrial Revolution*; ini juga bertujuan sebagai medium perkongsian praktis terkini serta sebagai medan interaksi dan pembentukan jaringan profesional antara pengamal latihan bidang latihan kekuatan dan suaian fizikal.

Persidangan dua hari bermula pada 17 hingga 18 April yang disertai oleh pegawai dari Akademi Kejurulatihan Kebangsaan, jurulatih, saintis sukan, pegawai sukan, pemilik pusat kecergasan dan juga pelajar UPSI ini turut mengundang pengucap utama daripada pakar suaian fizikal dalam dan luar negara iaitu, Profesor Pelawat FSSK, Profesor Dr. John Cronin dari *Sport Performance Research Institute New Zealand*.



Majlis Penyerahan Pusat Latihan Hospitaliti, KSAS, UPSI



UPSI, 17 April – Warga UPSI bakal menikmati satu lagi kemudahan iaitu Pusat Latihan Hospitaliti UPSI yang dijangka siap sebelum Oktober 2018 apabila pusat tersebut kini diserahkan kepada UPSI oleh pihak kontraktor, IRYAS Incorporation (M) Sdn. Bhd.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, dengan penyerahan tersebut, bermulanya penanda aras baharu UPSI ke arah zero defect seperti yang dihasratkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Seri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

"Kita akan memastikan segala perjalanan percaturan ke arah di mana zero defect ditiadakan atau diminimumkan dan ini merupakan satu tanggungjawab yang besar, kepada pihak pembangunan, UPSI Holding dan pihak operator yang akan dilantik kemudian kerana UPSI mensasarkan lima hingga ke enam bulan untuk memastikan pusat tersebut dapat beroperasi menjelang Istiadat Konvokesyen UPSI Kali Ke-20," katanya.

Tujuan Pembinaan Pusat Latihan itu adalah untuk menyediakan keperluan dan kemudahan hospitaliti kepada komuniti tempatan dan luaran. Kemudahan yang disediakan juga akan digunakan oleh Fakulti Teknikal dan Vokasional bagi membina, memberi peluang dan pendedahan kemahiran kepada pelajar khususnya dalam bidang perhotelan dan hospitaliti.

Projek pembinaan Pusat Latihan Hospitaliti setinggi tujuh tingkat bertaraf tiga bintang ini merupakan kontrak secara reka dan bina melalui lantikan kontraktor yang berkecualan dimulakan pada 20 Januari 2014 dan siap pada 17 April 2018 dengan kos keseluruhan RM 16,690,623.99.

Kemudahan ruang-ruang di dalam bangunan ini mempunyai beberapa bahagian mengikut pengurusan yang berkaitan iaitu pintu masuk utama dan kemudahan awam, pejabat pengurusan, pejabat hadapan, lobi, coffee house, restaurant, *Banquet Hall* dan Bilik Seminar, *Housekeeping/maintenance*, bilik hotel, bahagian dapur dan Pejabat FTV.

Selain itu, ia turut menyediakan kemudahan 98 buah Bilik Superior dan dua buah Bilik Suite, empat buah bilik seminar, sebuah dewan bankuet, kemudahan rekreasi untuk kanak-kanak, 97 tempat letak kereta, lima tempat letak kereta untuk golongan kurang upaya, 33 tempat letak motosikal dan dua tempat letak bas.

Dalam majlis menandatangani dokumen penyerahan pusat itu UPSI diwakili oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB), Ir. Zulkefly Mohd Yusof manakala IRYAS Incorporation (M) Sdn. Bhd. oleh Pengarah, Khairil Rezza Dato' Mohd Khair dan disaksikan oleh Tan Seri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin dan Naib Canselor.

Siri Jelajah Jom Masuk UPSI Bersama Naib Canselor UPSI



UPSI, 18 April – Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran giat mempromosikan UPSI menerusi siri jelajah Jom Masuk UPSI bagi menarik minat pelajar cemerlang memilih UPSI sebagai tempat menyambung pengajian terbaik di Malaysia.

Dalam siri jelajah bermula dari 16 hingga 20 April ini sebanyak enam buah sekolah terlibat iaitu SMK Raja Lope Nor Rashid, SMK Seri Perak, SMK Panglima Bukit Gantang, SMK Kuala Kurau, SMK Agama Al-Falah dan SMK Agama Al-Hidayah.

Menurut Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar, program itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar dari sekolah-sekolah terpilih untuk memasuki UPSI dan sekali gus membantu warga negeri Perak khususnya mendapat tahap pendidikan yang terbaik seperti yang disarankan oleh kerajaan negeri.

"Selain itu, ia juga bertujuan memberi maklumat awal kepada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia Sesi 2018 berkaitan kriteria untuk memasuki Universiti Awam secara umum," katanya.

Beliau turut berkongsi mengenai kemudahan dan tarikan yang terdapat di UPSI, program-program yang ditawarkan, syarat-syarat program serta keistimewaan yang diperoleh oleh mahasiswa serta graduan di UPSI.

Dalam program anjuran bersama Pejabat Kerajaan Negeri Perak dengan UPSI ini seramai sembilan orang mahasiswa UPSI semester 6 dan 7 turut terlibat sebagai fasilitator.



The Golden Globe Tigers 2018

UPSI Terima 3 Pengiktirafan



Kuala Lumpur, 23 April - Tiga kakitangan akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris menerima pengiktirafan dalam Majlis Penganugerahan The Golden Globe Tigers Award 2018 yang diadakan di Pullman City Centre Hotel and Residences, Kuala Lumpur.

Dekan Fakulti Sains Sukan Kejurulatihan, Profesor Madya Dr. Nur Ikhwan Mohamad menerima anugerah bagi kategori *Education Leadership - The Best Professor In Sport Science and Coaching*.

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV), Dr. Ridzwan Che Rus, dan Profesor Madya Dr. Syed Abdul Malik Syed Mohamed dari Fakulti Sains Matematik menerima anugerah bagi kategori *Education Leadership - The Best Professor In Technical and Vocational Education*.

Majlis yang dianjurkan bersempena Malaysia Best Employer Brand Award 2018 oleh Malaysia Institute of Human Resource Management (MIHRM) ini memberi pengiktirafan kepada individu dan syarikat yang berjaya dalam bidang masing-masing.



Pasukan Basikal UPSI Sertai Cabaran Merentas Felda



UPSI, 25 April - Peserta Pasukan Berbasikal UPSI, Mohamad Firdaus Osman berjaya menduduki tempat ke-8 Kategori Terbuka Lelaki manakala Mohamad Amin Idrus berjaya menduduki tempat ke-6 Kategori Junior Lelaki dalam pertandingan Felda MTB Eco Challenger 2018. Dalam pertandingan yang berlangsung di Felda Gedangsa, Kuala Kubu Bharu ini, seramai 12 peserta lelaki dan 4 peserta wanita menyertai kejohanan ini.

Pengerusi Kelab Berbasikal UPSI merangkap Presiden Persatuan Berbasikal Daerah Muallim, Mohd. Shahrul Abd Wahid berkata, kejayaan pasukan yang kini terdiri daripada 14 orang kakitangan dan 15 orang pelajar UPSI itu adalah hasil kerja keras mereka menjalani

latihan kayuhan empat hingga lima kali seminggu.

Menurut beliau, antara rekod terbaik yang pernah dicapai pasukan itu ialah pada bulan Mac yang lepas, menerusi pertandingan MTB Challenge 2018 anjuran Kolej Komuniti Batang Kali Selangor, Mohamad Amin Idrus menduduki tempat ketujuh bagi kategori IPT Lelaki dan Ahmad Ritaudin Hamzah menduduki tempat kesembilan bagi Kategori Kakitangan IPT.

"Manakala semasa menyertai Sg. Manik MTB Jamboree pada 22 April 2018, pasukan UPSI telah berjaya menduduki tangga ke-11 dalam kategori Junior Lelaki, tempat ke-15 dan 17 dalam kategori Senior Lelaki, tempat ke-16

kategori Terbuka (Lelaki) dan tempat ke-18 kategori Veteran Lelaki daripada 1 083 peserta keseluruhan yang menyertai pertandingan itu.

"Persiapan awal serta kejayaan ini akan menguatkan lagi motivasi dan semangat bagi menghadapi Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti (MASUM) bagi pasukan pelajar dan Kejohanan Sukan Staf IPTA (SUKUM) yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi pasukan staf Julai dan Ogos 2018," katanya.

Tambah beliau, pasukannya akan melakukan persiapan yang terbaik dalam memastikan mereka berada dalam kedudukan yang tertinggi apabila menyertai mana-mana kejohanan sepanjang tahun 2018.

"Bagi menjamin kejayaan secara berterusan, pihak pengurusan kelab akan menghantar jurulatih yang kini membimbing pasukan ini iaitu Ramli Mosmin untuk mengikuti Kursus Kejurulatihan Berbasikal yang dianjurkan badan sukan yang diiktiraf. Dalam memastikan pengurusan kelab serta pasukan yang baik, Kelab Berbasikal UPSI akan berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dalam masa terdekat.

"Pasukan Berbasikal UPSI juga mempelawa kepada mana-mana syarikat, pihak-pihak tertentu mahupun orang perseorangan untuk menjadi sebahagian daripada rakan penaja kepada pasukan ini dan seterusnya menjadi keluarga Pasukan Berbasikal UPSI," ujur beliau.



Memorandum Persefahaman UPSI dan Telekom Malaysia, Kolej Vokasional Slim River, Bak's Creation & Services dan Issamay School of Beauty



Tanjong Malim, 27 April - UPSI melalui Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), menjalinkan kerjasama dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) bagi menggiatkan usaha meneroka bidang pembangunan kanak-kanak.

Pengurus Besar TM, Ir. Ramlan Omar berkata, persefahaman pada pagi itu merupakan detik permulaan yang akan mencatat satu tenaga baharu yang bersesuaian dengan teknologi di bawah revolusi Industri 4.0 yang berbentuk digital, dan aplikasi yang akan membuatkan kehidupan manusia menjadi lebih mudah.

"Penyelesaian data analisis ini akan menjadi satu perkara baharu, kerana tanpa kita sedari apabila kita memuat turun aplikasi daripada telefon pintar, aplikasi tersebut akan meminta kebenaran untuk mengakses maklumat pelayar.

"Menerusi maklumat yang dikumpulkan sebagai *big data analysis* ini, membolehkan

maklumat demografi, umur, kegemaran seseorang dan sebagainya diketahui sekali gus akan menjadi agenda besar pada masa akan datang khususnya dari aspek perniagaan dan sebagainya," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPSI dan agensi luar yang diadakan di Dewan Duta Jauhar, NCDRC, UPSI Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Tambah beliau, TM berbangga dapat bersama-sama UPSI untuk menerokai bidang tersebut iaitu bagaimana menganalisa *big data* kanak-kanak yang baharu lahir dan digabungkan dengan pelbagai jabatan seperti Jabatan Kesihatan, dan Jabatan Pendidikan, untuk memantau keperluan kanak-kanak agar lebih fokus dan berdaya muju ke arah yang kita inginkan dalam masa lima hingga 10 tahun akan datang.

Dalam majlis yang sama, UPSI menerusi Fakulti Teknikal Vokasional turut menandatangani



tiga MoU bersama Kolej Vokasional Slim River, Slim River, Perak, Bak's Creation & Services Sdn. Bhd. dan Issamay School of Beauty bagi tempoh lima tahun.

Menerusi kerjasama itu, semua pihak bersetuju membangunkan kerjasama program latihan; kurikulum kemahiran; melaksanakan Sijil Kemahiran Malaysia; membangunkan kemahiran bekerja serta berkongsi idea dan maklumat program.

Sementara itu, Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, kerjasama yang dijalankan mampu untuk melonjakkan imej, kualiti pelajar dan nama universiti untuk menjadikan universiti ini sebagai universiti

nombor satu pendidikan di persada nasional dan antarabangsa.

"Saya pasti, para pelajar boleh kita letakkan dengan semua agensi ini, diberi sijil dan sebagainya sekali gus memberikan manfaat serta memukau majikan dengan kelayakan yang ada," katanya.

UPSI diwakili oleh Naib Canselor manakala tiga agensi lagi masing-masing diwakili oleh Pengarah Kolej Vokasional Slim River, En. Harith Abd Rahman, Pengurus Bak's Creation & Service, Pn. Nurzayani Zaharudin dan Pengetua Issamay Schools of Beauty, Pn. Joon Lian Wong.

UPSI dan UiTM Pererat Kerjasama Rancang Program Komuniti dan Jaringan Industri Berimpak Tinggi



UPSI, 27 April – Seramai 14 orang Duta Universiti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau Perlis dan UPSI menyertai Intergrated Leadership Program University Ambassador UiTM-UPSI anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan UiTM.

Program anjuran bersama ini merupakan program yang julung kali diadakan bertujuan memantapkan ilmu kepimpinan dan kaedah pelaksanaan program barisan Duta Universiti yang dilantik daripada kedua-dua buah universiti.

Pengarah Projek, Muhammad Norfadhli berkata, program yang berlangsung selama 2 hari itu bertujuan memberi pendedahan kepada barisan Duta Universiti mengenai peri penting perancangan sebelum, semasa dan selepas menjayakan sesuatu program.

“Selain itu, program ini juga bertujuan memberi peluang kepada setiap Duta Universiti untuk saling bertukar idea dan pendapat dalam pelaksanaan program sedia ada mahupun yang hendak direncanakan,” katanya.



Tambah beliau, antara program yang dilaksanakan ialah sesi pembentangan projek yang telah dilaksanakan pada suku tahun 2017 hingga 2018, sesi tinjauan ke salah satu program Duta Universiti UPSI iaitu program Ultimate Tuition, gotong-royong di Masjid Al Hidayah Bandar Behrang 2020, lawatan ke Muzium Pendidikan Nasional, dan sesi percambahan idea bersama Majlis Perwakilan Pelajar UPSI.

"Duta Universiti yang dilantik juga dapat menjadikan kerjasama antara masyarakat dan pihak universiti sebagai suatu inisiatif dan usaha berterusan dan berupaya merencanakan sebuah program yang memberi kesan kepada semua pihak. Tagline "Cemerlang Bersama" UPSI yang terkenal dapat diterjemahkan melalui program ini. Justeru menaikkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi."

"Kerjasama yang dilakukan ini merupakan suatu anjakan paradigma dalam mengorak langkah sebagai satu pasukan yang kental dan berwibawa," katanya.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Mohd Hairy Ibrahim selaku Timbalan Pengarah UCTC turut menyatakan rasa bangga mengenai penganjuran program kerjasama seperti ini, dan kerjasama seterusnya bakal disusuli dengan program-program yang berimpak tinggi hasil kerjasama antara UPSI dan UiTM bersama jaringan komuniti dan industri.



WLAM 2018

JPPHB, FTV dan FSKIK Wakil UPSI



Batang Kali, 29 April - UPSI buat julung kali dijemput menyertai pameran di Expo World Landscape Architecture Month (WLAM) 2018 anjuran Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Ligamas Sdn. Bhd. yang diadakan di OASIS, Seksyen 4, Bandar Baru Batang Kali pada 28 hingga 29 April 2018.

Pameran ini disertai oleh Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB) selaku bahagian yang mempunyai profesion dalam Bidang Rekabentuk Landskap dengan kerjasama Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) dan Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK).

Menerusi pameran tersebut, pasukan UPSI mengambil kesempatan memaparkan informasi mengenai kursus dan modul yang

ditawarkan, aktiviti dan hasil kerja pelajar serta projek-projek seni bina landskap yang direka bentuk secara (Kendiri) *in house* oleh Bahagian Landskap. JPPHB kepada orang ramai.

Sekali gus dapat memperkenalkan UPSI di dalam bidang Seni Bina Landskap melalui kursus-kursus yang ditawarkan iaitu Kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Pertanian, Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Landskap) dengan Pendidikan, dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Hortikultur) dengan Pendidikan yang dijangka akan bermula pada Februari 2019 di bawah FTV serta Modul Rekabentuk Landskap sebagai Kursus Tumpuan Bidang di bawah FSKIK.

Selain itu, antara aktiviti *hands-on* yang dijalankan di reruai UPSI adalah Demonstrasi



Membuat Terrarium oleh pelajar-pelajar FSKIK dan Sesi Memperkenalkan dan Mewarna Pelan Landskap kepada komuniti setempat yang berkunjung di Reruai UPSI.

Sambutan *World Landscape Architecture Month* yang dipelopori oleh *American Society of Landscape Architect (ASLA)* dan disertai oleh *International Federation of Landscape Architect (IFLA)* adalah sambutan bertaraf antarabangsa dan ia berlangsung sepanjang 1 sehingga 30 April setiap tahun di seluruh dunia.



Design Thinking

Pembaharuan dalam Pengajaran Kreatif STEM untuk Pendidikan Khas



UPSI, 3 Mei – My Teachers TryScience (MYTTS) telah pun memasuki fasa ketiga tahun ini dengan memfokus kepada mata pelajaran STEM untuk Pendidikan Khas.

Projek MYTTS ini ditaja oleh pihak IBM Malaysia Sdn. Bhd. dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan diketuai oleh Profesor Madya Dr. Balamuralithara Balakrishnan dan ahli-ahli akademik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Menurut Profesor Madya Dr. Balamuralithara, matlamat utama Projek MYTTS itu adalah untuk menyemai pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan para guru Pendidikan Khas

menerusi pendekatan *Design Based Learning* yang menggunakan konsep *Design Thinking*.

"*Design Thinking* adalah satu mekanisme yang meningkatkan kreativiti, inovatif, empati, pemikiran kritis, kerjasama dan penyelesaian masalah di mana para guru yang mengamati konsep *Design Thinking* ini dapat menyemai kreativiti dan inovasi dalam proses pengajaran mereka dengan lebih efektif."

"Mekanisma ini penting dalam kalangan para guru Pendidikan Khas yang setiap hari menghadapi cabaran dalam mendidik kanak-kanak khas terutamanya pendidikan yang berteraskan STEM," katanya.



Tambah beliau, seramai 40 guru pendidikan khas dari 11 daerah di negeri Perak telah dipilih untuk mengikuti Bengkel *Design Based Learning* yang mendedahkan mereka dengan konsep *Design Thinking*.

"Bengkel ini telah diadakan di Ipoh, Perak pada 13-15 Mac 2018 yang dimudah cara oleh pihak IBM (Malaysia) Sdn. Bhd. dan pasukan MYTTS dari UPSI. Keberkesanan Bengkel *Design Based Learning* ini ditonjolkan oleh para guru melalui produk inovasi pembelajaran STEM mereka di Seminar Pendidikan Khas yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan UPSI pada 24-26 April 2018 yang lalu.

"Hasil pameran produk inovasi pembelajaran daripada peserta Bengkel *Design Based Learning* ini menarik perhatian ramai peserta dan pengunjung semasa seminar dijalankan. Ramai peserta seminar yang lain telah mendapat inspirasi melalui produk inovasi pembelajaran yang dipamerkan."

"Kejayaan projek MYTTS Fasa 3 ini dapat menjadi asas untuk para guru Pendidikan Khas untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran STEM didalam kelas," katanya.

ITEX 2018 di KLCC

UPSI Rangkul 10 Emas



Kuala Lumpur, 13 Mei – UPSI mencatat kejayaan membanggakan pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2018 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan meraih 10 emas, tiga perak dan satu gangsa.

Tiga pingat emas diperoleh menerusi hasil inovasi penyelidik dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan bertajuk *E- Manual Refleksi Kritis Untuk Guru Pelatih dan Penyelia dan SPECTROMORPHOLOGICAL NOTATION: Notating Musical Timbre of Non-Standardized Musical Instrument* yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Hassan Abdullah, serta produk bertajuk *Malaysian Music Score Arrangements for a Western Classical Ensemble* diketuai oleh Dr. Karen Anne Lonsdale.

Sumbangan emas seterusnya diperoleh melalui dua projek dari Pusat Penyelidikan

Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) iaitu *NATIONAL CHILD DATA CENTRE (NCDC) MOBILE APPS* yang diketuai oleh Prof. Dr. Sopia Md Yassin dan *NATIONAL CHILD DATA CENTRE (NCDC) – CHILD DEVELOPMENT, ALERT & HEALTH MODULES* oleh Dr. Suzani Mohamad Samuri.

Penyelidik dari Fakulti Pembangunan Manusia mengaut dua emas dan dua perak menerusi produk Modul Kemahiran Belajar Bersepadu Zero to Hero – 5 Domain yang diketuai oleh Ab. Aziz Mohd Yatim, dan produk Prodigy Career Exploration Kits (Pro-Cares) diketuai oleh Dr. Noraini Ismail, manakala perak menerusi produk *LITERACY LEARNING USING AUGMENTED REALITY (LitAR)* diketuai oleh Prof. Madya Dr. Noor Aini Ahmad dan produk *Tools for Teaching and Learning in 21st Century Primary Mathematics Classroom* diketuai oleh Dr. Siti Rahaimah Ali.



Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif turut membantu UPSI meraih dua emas menerusi produk bertajuk *i-Pocket: Mobility E-Learning* yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Muhammad Modi Lakulu, dan projek *A Novel Smart Multi-Sustainable System for Virtualized the Best Applicants by Optimizing Their Abilities Level Using University Recorded Data and SWEBOk.V3* oleh Dr. Aos Alaa Zaidan manakala produk *JAWI STAMP FOR KID (Jaws4kid)* yang diketuai oleh Dr. Ridzuan Hussin meraih perak.

Emas kesepuluh disumbangkan oleh penyelidik Fakulti Sains dan Matematik yang diketuai oleh Dr. Tho Siew Wei menerusi produk bertajuk *Free Fall Investigation through Innovative Use of Mobile Devices for Physics Education*.

Manakala pingat gangsa diperoleh menerusi produk *E-LKPS: Laporan Kemajuan Pengajian Siswazah Secara Atas Talian* hasil inisiatif dari Bahagian Sumber Manusia yang diketuai oleh Puan Azzah Abdul Latiff.

Untuk rekod UPSI turut dianugerahkan pingat gangsa bagi kategori *Best Booth Design* hasil cetusan idea dan usaha daripada kakitangan

Unit Harta Intelek dan Pengkomersialan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Prof. Madya Dr. Hanisom Abdullah.

Sebanyak lapan reruai telah dipertandingkan dan penyertaan kali pertama itu berjaya membuah hasil apabila UPSI dinobatkan tempat ketiga terbaik.

ITEX 2018 tampil dengan tema 'Nyalakan Kreativiti Anda' bagi memberi aspirasi kepada orang ramai untuk memikirkan penyelesaian atau inovasi yang boleh meningkatkan kualiti hidup telah mempamerkan lebih 1 000 reka cipta membabitkan penyertaan dari 20 negara antaranya China, Jerman, Turki dan Korea.

Antara tarikan utama ialah penganjuran Pameran Pereka Cipta Muda Dunia (WYIE), Pameran Reka Cipta Muda Asia (AYIE), Pameran Reka Cipta Muda Malaysia (MYIE), sesi PITCH4FUND, Seminar Usahawan Pemula Dan Perbincangan Modal Teroka Ke Usahawan (VC2E).

Pada ITEX 2017, UPSI memperoleh 5 emas 9 perak daripada 14 penyertaan yang disertai.

Majlis Iftar dan Infaq Ramadhan Anjuran Pusat Alumni



UPSI, 2 Jun – Seramai 200 orang anak yatim dari sekolah-sekolah sekitar Daerah Muallim dan Hulu Bernam, Selangor diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa Alumni Dan Penyampaian Infaq Ramadan anjuran Persatuan Alumni Suluh Budiman (PASB) yang diadakan di Dewan SITC.

Dalam majlis yang dirasmikan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan Puncak Niaga, Tan Sri Rozali Ismail itu, PASB turut melancarkan Tabung Harapan Malaysia (THM).

Presiden, Datuk Ahmad Burak berkata, pelancaran tabung itu bertujuan menyokong usaha menubuhkan tabung itu bagi meringankan beban yang dihadapi kerajaan sekarang.

"Kami sedar tanggungjawab yang dihadapi oleh kerajaan bukan sesuatu yang mudah dan sebagai rakyat yang cintakan negara, kami ingin turut serta membantu.

"Jika di luar sana ada rakyat negara ini yang bersimpati, kami juga tidak mahu ketinggalan," katanya yang juga Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Alumni Universiti Awam Malaysia.

Hadir sama, Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Mohd Shatar Sabran.



Majlis Berbuka Puasa Rai Pengamal Media di Hotel ParkRoyal



Kuala Lumpur, 5 Jun - Hampir 100 pengamal media diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa UPSI Bersama Media di Park Royal Hotel, Kuala Lumpur.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, majlis berbuka puasa yang diadakan malam itu adalah sebagai tanda penghargaan atas kerjasama antara media dengan pihak UPSI.

"UPSI mengadakan majlis ini untuk mengucapkan terima kasih dan memberi penghargaan kepada pihak media atas sokongan yang diberikan selain bertujuan merapatkan hubungan antara UPSI dengan media," katanya.



Tambah beliau, setelah mendapat pandangan serta pendapat dalam kalangan rakan-rakan media, UPSI, kini mewujudkan City Campus UPSI di Puchong untuk memudahkan pihak media membuat liputan menyeluruh mengenai produk, sidang media, aktiviti dan sebagainya.

"Kami yakin dengan bantuan dan komitmen daripada rakan media, cita-cita UPSI untuk menjadi Universiti No. 1 Pendidikan akan menjadi nyata," ucap beliau.

Majlis dimulakan dengan berbuka puasa, diikuti solat Maghrib sebelum pihak pengurusan UPSI beramah mesra dengan pengamal media yang hadir.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr. Md Amin Md Taff dan Pendaftar, Dr. Hajah Zainab Othman.



International Education Award UPSI Terima Anugerah



UPSI, 30 Jun - Naib Canselor, Prof. Dato³ Dr. Mohammad Shatar Sabran, bersama empat kakitangan dan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan berjaya mengharumkan nama universiti menerusi pengiktirafan International Education Award (IEA) yang diadakan di Panggung Budaya, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP).

Penerima seterusnya ialah Pengarah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara, Profesor Dr. Sophia Md Yassin, Dekan FMSP, Prof Madya Zaharul Lailiddin Saidon; pensyarah Fakulti Sains dan Matematik, Dr. Rosly Jaafar dan pensyarah kanan Fakulti Pembangunan Manusia, Dr. Siti Rahaimah Ali.

Turut menerima anugerah ialah bekas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato³ Dr. Noraini Idris.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Buruh dan Kebajikan Sosial Republik Kosovo, Skender Recica kepada Prof. Dato³ Dr. Mohammad Shatar serta penerima anugerah yang lain pada majlis tersebut.



Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar berkata, pengiktirafan tersebut memberi semangat kepada kakitangan UPSI untuk bekerja keras menjadikan UPSI sebagai universiti pendidikan nombor satu di rantau ini.

"Kami bekerja keras bagi meletakkan pelajaran sebagai agenda utama negara dan sudah tentu para guru memainkan peranan penting dalam memastikan generasi muda yang menjadi pemimpin masa hadapan akan dapat meneruskan kejayaan negara seperti mana yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu."

Tambah beliau, semua kakitangan universiti ini akan bekerja keras tanpa mengira soal anugerah kerana agenda utamanya ialah untuk membantu universiti menjadi nombor satu di dunia dan seterusnya untuk memasuki senarai 100 teratas Ranking Quacquarelli Symonds (QS) World University.

IEA diadakan bagi menghargai usaha sumbangan golongan pendidik dan institusi pendidikan yang telah mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan seterusnya menyumbang ke arah pencapaian masyarakat.

COMMITTED
TO MAKING
A DIFFERENCE
IN EDUCATION





